

**Citarasa Belia Turut Diambil Kira Dalam Belanjawan 2013 - Najib  
Bernama  
4 Oktober, 2012**

PUTRAJAYA, 4 Okt (Bernama) -- Belanjawan 2013 turut mengambil kira citarasa golongan belia menerusi Pakej Komunikasi Belia selari dengan era digital masa kini, kata Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak.

Najib yang juga Menteri Kewangan berkata rasionalnya pemberian rebat RM200 untuk pembelian telefon mudah alih pintar 3G, adalah sebagai penghargaan kerajaan kepada sumbangan belia selain untuk memperkasakan lagi keupayaan golongan itu.

"Telefon jenis itu juga amat diminati golongan muda selari dengan peningkatan cara hidup belia," katanya dalam program 'Tanya Najib' yang disiarkan secara langsung di Saluran 501 Astro Awani Rabu malam.

Perdana Menteri menjawab pertanyaan mengenai rasionalnya kerajaan memberi rebat untuk pembelian telefon berkenaan kepada belia yang berumur 21 hingga 30 tahun dan berpendapatan bulanan RM3,000 dan ke bawah.

Berhubung pemberian baucer buku kepada para pelajar, Najib berkata pemberian itu diberi berdasarkan maklum balas pelajar dan kerajaan merasakan perlu untuk memberikan bantuan tersebut.

"Ia sangat berguna kerana kebanyakan buku yang diperlukan pelajar adalah terlalu mahal dan pelajar terpaksa berkongsi dengan rakan-rakan lain.

"Jadi, kita merasakan adalah lebih baik disediakan baucer buku supaya mereka dapat membeli buku yang amat diperlukan untuk kemudahan pembelajaran," katanya.

Dalam Belanjawan 2013 yang beliau umumkan, baucer buku 1Malaysia dinaikkan daripada RM200 kepada RM250 yang melibatkan peruntukan RM325 juta dan akan memanfaatkan seramai 1.3 juta pelajar seluruh negara.

Menjawab soalan mengenai diskaun 10 peratus setahun kepada peminjam Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) yang dikatakan tidak adil, Najib berkata kerajaan tidak boleh memberikan segala-galanya.

"Kita perkenalkan insentif itu sebagai langkah kekal supaya peminjam berdisplin untuk membayar semula pinjaman mereka sekaligus membolehkan golongan pelajar akan datang dapat meminjam untuk melanjutkan pengajian," katanya.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=699471>